

'Kehilangan Batu Puteh angkara kecuaiian'

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan kecuaiian sehingga mengkiatkan Malaysia kehilangan Batu Puteh adalah satu pengkhianatan kepada negara.

Perdana Menteri berkata, tiada mana-mana negara di dunia ini melepaskan kawasan dengan mudah, sebaliknya berpelelang habis-habisan sehingga kehilangan ribuan nyawa demi mempertahankan satu wilayah kecil.

"Ya, kita terima kenyataan, keputusan ICJ (Mahkamah Keadilan Antarabangsa), terlepas Batu Puteh, kepulauan kecil? Ya, tetapi kerana kecuaiian kita, ke-

cuaian itu membawa pengkhianatan kepada negara.

"Sebab itu kerajaan MADANI setuju mengadakan Suruhajaya Siasatan Diraja (RCI) untuk memutuskan apa yang sebenarnya berlaku.

"Mengapa negara ini, negara yang hebat, Malaysia tercinta boleh izinkan pengkhianatan sebegitu rupa sehingga terlepas dengan mudah tanpa menggunakan jalur hukum untuk mempertahankan hak kita," katanya berucap pada Majlis Amanat Perdana Hari Kebangsaan 2024 di sini, semalam.

Anwar berkata, jika benar ada orang yang memikirkan bahawa

isu Batu Puteh ini sebagai perkara kecil serta enteng, individu itu mempunyai masalah sikap sebagai rakyat Malaysia.

Katanya, apa yang menimpa dalam kes Batu Puteh tidak pernah berlaku dalam mana-mana sejarah dunia dengan mudah.

"Sebab itu kita akan bentangkan (laporan RCI) di Parlimen, kita izinkan perbincangan secara terbuka di Parlimen dan luar Parlimen.

"Ia sebagai pengajaran dan iktibar kepada anak bangsa akan datang bahawa negara ini terbentuk dengan pahit, getir, keringat air mata, darah pejuang

selama ratusan tahun melawan penjajah demi penjajah dan tidak boleh dikorbankan kepentingan itu," katanya.

Beliau bagaimanapun mengakui apa yang berlaku dalam isu Batu Puteh sebagai sesuatu yang sudah terlanjur, namun ia wajib dijadikan pengajaran.

Kelmarin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, berkata laporan RCI bagi Mengkaji Pengendalian Perkara Berkaitan dengan Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan akan dibentangkan di Parlimen.